

Media Title : Berita Harian
 Headline : Untung bersih RM8.167j
 Date : 4 January 2016
 Page : 10
 Size : 20.6x11.1



Untung bersih RM8.167j

Kaunter CYPARK @ RM1.85

Cypark Resources Bhd (CYPARK) adalah syarikat pegangan pelaburan, menyediakan tenaga bersepadu dan servis kejuruteraan persekitaran yang boleh diperbaharui di Malaysia.

CYPARK beroperasi dalam bidang Kejuruteraan Alam Sekitar, Landskap dan Infrastruktur, penyenggaraan dan segmen Tenaga Diperbaharui.

Prospek syarikat

CYPARK baharu sahaja mengumumkan keuntungan bersih untuk suku tahun keempat 2015 berjumlah RM8.167 juta pada 31 Disember 2015.

Ini adalah keuntungan suku tahunan keempat berturut-turut untuk tahun 2015.

Bagi suku pertama 2015, keuntungannya ialah sebanyak

RM8.536 juta, suku kedua berjumlah RM14.546 juta dan suku ketiga sebanyak RM12.245 juta.

Pendapatan sesaham syarikat (EPS) adalah sebanyak 17.49 sen sesaham.

Nisbah harga ke atas pendapatan syarikat (P/E Ratio) ialah 10.58 kali.


Nisbah Aset ketara bersih (NTA) adalah sebanyak RM1.58 sesaham.

Untuk tempoh 52 minggu yang lalu, CYPARK mencapai paras tertinggi pada harga RM2.15 manakala paras terendah ialah pada harga RM1.39.

Pada Khamis lalu, CYPARK ditutup pada harga RM1.85 setelah minat belian terhadap saham itu muncul semula.

Harga saham CYPARK terkini (RM1.85) menunjukkan ia berada di atas Purata Pergerakan Mudah Tahunan (SMA200).

Pergerakan CYPARK



Sasaran CYPARK ialah pada sekitar harga RM1.88.

Sasaran seterusnya ialah pada sekitar RM1.97P.

Bagi CYPARK meneruskan kenaikan, harga penutup pada

Khamis lalu pada RM1.85 perlu dilepasi terlebih dulu.

Analisis ini adalah untuk jangka masa sederhana iaitu di antara dua minggu ke enam bulan.